

TARIKH: 14/7/23

SURAT KHABAR: *utusan Malaysia*

MUKA SURAT: 4

## Gaji rendah punca graduan kejuruteraan tiada kerja, lari bidang

**PETALING JAYA:** Graduan kejuruteraan didakwa lebih berminat menceburi bidang lain selepas tamat pengajian kerana merasakan bidang jurutera tidak lagi menawarkan gaji yang setimpal dengan beban tugas.

Bekas Pengerusi Persatuan Jurutera Perunding Malaysia (ACEM) Cawangan Sabah, Razalie Sindong berkata, banyak syarikat perunding kejuruteraan hanya mampu menawarkan gaji antara RM2,000 hingga RM3,000 kepada graduan baharu kerana pendapatan syarikat yang terhad.

Katanya, situasi tersebut menyebabkan graduan kejuruteraan beralih arah ke bidang lain yang menawarkan gaji lebih tinggi.

"Beban tugas yang perlu di-galas oleh seorang jurutera dianggap tidak setimpal dengan gaji ditawarkan dan dianggap rendah dan tidak berbaloi.

"Sebagai majikan, kita hanya mampu memberi gaji sekitar RM2,000 ke 3,000 sebabkan pendapatan syarikat pada masa

ini adalah terhad.

"Jadi, ini merupakan kesan berangkai sekiranya majikan mendapatkan pendapatan yang kurang ia akan menyebabkan kita sukar untuk memberi gaji yang tinggi mahupun mengambil pekerja baharu," katanya ketika dihubungi semalam.

Razalie berkata, gaji yang rendah itu melemahkan semangat graduan jurutera untuk meneruskan kerjaya mereka dalam bidang ini, namun tidak banyak yang majikan boleh lakukan dalam soal gaji dan insentif ini.

"Malah, jika kita lihat 'scale of fees' bayaran kepada perunding juga perlu dikaji dan disemak semula kerana kali terakhir ianya dilakukan adalah pada tahun 1998," katanya.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, daripada jumlah keseluruhan 295,962 graduan pada tahun lepas, seramai 29,099 golongan itu belum bekerja dan 5,708 daripadanya adalah lepasan daripada bidang kejuruteraan, iaitu antara yang tertinggi.

*utusan  
Malaysia  
msy 14/7/23*